

11 NOV 1999

LEBIH 200 ACARA SEMPENA LIMA 1999 DISUSUN

LANGKAWI, 11 Nov (Bernama) -- Sebanyak 220 acara menarik disediakan sepanjang 16 hari mulai 21 Nov ini bagi memeriahkan sambutan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 99) mulai 30 Nov hingga 5 Dis.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Abdul Halil Mutalib berkata Karnival Langkawi itu akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Lang pada 20 Nov ini.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini hari ini, karnival itu merupakan cetusan idea Dr Mahathir yang mahukan LIMA '99 diisi dengan pelbagai program sampingan membabitkan penyertaan orang ramai bagi mewujudkan suasana yang lebih ceria sebelum dan semasa LIMA '99 berlangsung.

Karnival itu diadakan dengan kerjasama pelbagai jabatan kerajaan dan swasta di tujuh lokasi sekitar Kuah dan tempat tumpuan pelancong termasuk Dataran Lang, sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Kompleks Budaya Kraf, katanya.

Antara aktiviti dalam karnival itu termasuk konsert Karnival Langkawi, persembahan ghazal parti, pertunjukan ular, pesta coklat, persembahan kebudayaan dan kesenian dari pelbagai negeri, permainan tradisional dan pertunjukan tatu oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Selain itu pertunjukan bunga api, perlumbaan mencari harta karun, pertunjukan pelbagai seni membela diri, pertunjukan fesyen dan demonstrasi kraftangan juga akan diadakan.

Abdul Halil berkata perkhidmatan 23 feri turut dilanjutkan sehingga pukul 9 malam bagi memudahkan orang ramai berulang alik dari tanah besar ke Langkawi.

Menurutnya jadual aktiviti dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu mengenai program yang diatur juga akan diedarkan kepada orang ramai.

-- BERNAMA

NH NAK